

PANDANGAN MUKTAMAD IMAM AL-NAWAWI TENTANG KENAJISAN KHINZIR: TINJAUAN TEKSTUAL

Mohammad Aizuddin bin Abdul Azizⁱ & Syed Salim bin Syed Shamsuddinⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Guru Bahasa (Halaqah), Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia.
aizuddin@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia.
syedsalim@usim.edu.my

Abstrak

Kenajisan khinzir sebagai najis berat (mughallazah) merupakan pandangan muktamad dan yang difatwakan dalam mazhab Syafie. Namun, kedudukan pandangan ini seolah-olah diragui dengan alasan ianya bercanggah dengan pandangan Imam al-Nawawi yang berpandangan sebaliknya. Artikel ini menilai pandangan sebenar Imam al-Nawawi berhubung isu ini. Bagi mencapai objektif, artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dengan merujuk karya-karya Imam al-Nawawi secara khusus dan penulisan-penulisan lain bagi menganalisa serta membuat kesimpulan terhadap pandangan muktamad di sisi Imam al-Nawawi berkenaan kenajisan khinzir dan tatacara penyuciannya. Hasil kajian ini mendapati bahawa pandangan muktamad berkaitan kenajisan khinzir di sisi Imam al-Nawawi ialah khinzir tidak dikira sebagai najis mughallazah, dan sudut penyuciannya juga berbeza, iaitu memadai dibasuh sekali seumpama najis-najis lain.

Kata kunci: Imam al-Nawawi, Mazhab Syafie, najis mughallazah, khinzir.

PENGENALAN

Kebiasaannya, isu-isu yang berbeza akan menatijahkan hukum-hakam yang berbeza. Namun, dalam beberapa situasi, wujudnya kepelbagaian hukum dalam isu yang satu, dan yang lebih unikny ia datang daripada sebuah mazhab. Seperti perbezaan pandangan mazhab dan pandangan Imam al-Nawawi berkenaan kenajisan khinzir. Pandangan muktamad mazhab Syafie mengkategorikan ia sebagai najis berat (mughallazah) sama seperti kenajisan anjing. Najis mughallazah bermaksud najis yang dihukum berat oleh syarak terutama pada kaifiat menyucikannya iaitu memerlukan tujuh kali basuhan air mutlak salah satunya bercampur tanah (Muhammad Nawawi al-Bantani, 2011). Sedangkan Imam al-Nawawi berpandangan sebaliknya sehinggakan basuhannya cukup dengan hanya sekali basuhan sahaja.

Untuk menentukan pandangan muktamad Imam al-Nawawi dalam isu ini, pendekatan-pendekatan penilaian tersebut telah disebutkan sendiri oleh Imam al-Nawawi sendiri ataupun berdasarkan kepada garis panduan yang telah disusun oleh para ulama. Seperti kaedah "*al-mutaakhir fi al-kitabah, al-mutaqaddim fi al-fatwa*" yang bermaksud perkara yang terakhir di dalam penulisan didahulukan dalam berfatwa (Balfaqih, 2017). Kaedah ini akan diaplikasikan ke atas seorang ulama yang mempunyai dua pandangan dalam satu isu yang sama. Contohnya Imam al-Syafie, beliau mempunyai dua pandangan yang dikenali dengan *qaul qadim* dan *qaul jadid*. *Qaul qadim* ialah pandangan Imam al-Syafie ketika berada di Iraq dan sebelum memasuki Mesir, sama ada dalam bentuk penulisan atau fatwa. Manakala *qaul jadid* ialah pandangan beliau setelah berada di Mesir, sama ada dalam bentuk penulisan atau fatwa (Balfaqih, 2017). Apabila terdapat perbezaan pandangan antara *qaul qadim* dan *qaul jadid*, yang dikira sebagai muktamad di sisi beliau adalah *qaul jadid* (melainkan beberapa masalah terpencil) dan itulah yang difatwakan dalam mazhab. Ini kerana *qaul jadid* merupakan pandangan-pandangan terkemudian yang Imam al-Syafie lakukan penelitian semula ke atas ijtihad-ijtihad terdahulu.

Oleh itu, dalam berinteraksi dengan pandangan serta ijtihad fuqaha mazhab Syafie terutama yang terdapat dalam teks-teks turath mazhab, seseorang individu itu perlu memahamai secara mendalam metodologi pengeluaran fatwa mazhab, *mustalahat* atau terma-terma khusus yang digunakan serta tertib susunan ulama mujtahid dan kitab-kitab mazhab. Perbincangan berkenaan metodologi berfatwa dalam mazhab Syafie amatlah luas. Hal ini kerana ia mencakupi perbincangan berkaitan *usul al-mazhab* (asas pengeluaran hukum), tatacara berinteraksi dengan kaedah-kaedah tersebut, pandangan ulama mazhab yang saling bertentangan antara satu sama lain, tatacara pemilihan pandangan muktamad (*al-qaul al-muktamad*) dan sebagainya. Skop yang luas ini tidak menjadi keutamaan kepada penulis untuk menyentuh setiap satu daripadanya. Fokus penulis di sini ialah meninjau dan melihat kaedah-kaedah berinteraksi dengan pandangan-pandangan Imam al-Nawawi secara khusus terutama pandangan beliau terhadap kenajisan khinzir melalui teks-teks karangan beliau dan fuqaha syafi'iyah yang lain.

KEDUDUKAN IMAM AL-NAWAWI DALAM MAZHAB SYAFIE

Kedudukan Imam al-Nawawi dalam mazhab Syafie boleh diketahui melalui kategori-kategori ulama mujtahid yang disusun oleh para ahli ilmu. Senarai nombor di bawah ini disusun mengikut turutan kedudukan paling tinggi dan seterusnya (Nu'man Jaghim, 2007; Balfaqih, 2017):

1. *Al-Mujtahid al-Mustaqil/al-Mujtahid al-Mutlak*: *Faqih* yang mampu mengeluarkan hukum-hakam syarak secara langsung dari *nusus syari'iyah* (dalil-dalil syarak dari al-Quran dan sunnah), tidak bertaklid, dan tidak terikat dengan mana-mana mazhab. Contohnya Imam Abu Hanifah RA (w. 150H), Imam Malik RA (w. 179H), Imam al-Syafie RA (w. 204H) dan Imam Ahmad bin Hanbal RA (w. 248H).
2. *Al-Mujtahid al-Muntasib/al-Mutlak al-Muntasib*: Seorang mujtahid yang mencapai tahap *mujtahid mutlak*. Mempunyai kemampuan mengeluarkan hukum-hakam secara langsung daripada nas-nas syarak, namun tidak mampu mengasaskan metodologi tersendiri dalam pengeluaran hukum seperti *mujtahid mustaqil*. Pengeluaran hukumnya adalah berpandukan kepada metodologi yang telah diasaskan oleh para imam mujtahid. Ijtihad-ijtihad yang dikeluarkannya boleh jadi sama atau berbeza dengan imamnya. Sekiranya pandangan tersebut sama seperti pandangan imamnya, dia tidaklah dikatakan mengikut imam tersebut, akan tetapi ianya adalah suatu kesepakatan pandangan. Mereka yang mencapai tahap ini seumpama Ishak Ibn Rahawaih (w. 238 H), Abu Thur (w. 240 H), Muhammad bin Nasr al-Marwazi (w. 294 H), Ibn Jarir al-Tabari (w. 310 H), Ibn Khuzaimah (w. 311 H) dan Ibn al-Munzir (w. 318 H).
3. *Mujtahid al-Mazhab/Ashab al-Wujuh*: Mereka yang tidak mencapai darjat *mujtahid mustaqil* dan *mujtahid muntasib*. Tetapi mempunyai kemampuan menentukan hukum-hakam terhadap kes-kes yang tidak dibincang oleh imamnya dengan mentakhrij (menqiaskan) daripada nas-nas (pendapat) imamnya serta terikat dengan kaedah-kaedah mazhab. Mereka tidak boleh mengistinbat secara langsung dari al-Quran dan sunnah. Di antara mereka ialah al-Humaidi (w. 219 H), al-Buwaiti (w. 231 H), Harmalah (w. 243), al-Rabi' bin Sulaiman al-Jizi (w. 256H), al-Muzani (w. 264H), al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi (270 H), al-Qaffal al-Marwazi (w. 417H) dan Abu Hamid al-Isfirayini (w. 406H). Menurut Balfaqih (2017) al-Muzani dan al-Buwaiti merupakan *mujtahid mutlak muntasib*.
4. *Mujtahid al-Fatwa/Mujtahid al-Tarjih*: Mereka yang tidak mencapai tahap *mujtahid al-mazhab*. Namun mereka menguasai mazhab imamnya, mengetahui dalil-dalil serta *ta'lilat* imam dan *ashab al-wujuh*, mampu merungkai permasalahan-permasalahan, menetapkan, mentarjihkan, dan menjelaskan di antara yang kuat dan lemah, lalu pendapat yang ditarjihkan itu menjadi muktamad dalam mazhab. Ini bagi memudahkan bagi para *muqallid* mengetahui perkara yang sepatutnya diambil bagi berfatwa. Mereka ini seumpama Imam al-Rafi'e (w. 623H) dan Imam al-Nawawi (w. 676H).
5. *Nuzzar* (para penilai) pada mentarjihkan pendapat-pendapat yang diikhtilafkan oleh Imam al-Rafi'e dan al-Nawawi, dan tidak boleh mengeluarkan pendapat sendiri, seperti al-Isnawi (w. 772H).

6. *Hamalat al-fiqh* iaitu mereka yang faham fiqh al-Syafie seperti Syaikh al-Islam Zakaria al-Ansari (w. 926H), Ibn Hajar al-Haitami (w. 974H) dan Shamsuddin al-Ramli (w. 1004H). Tingkatan mereka berbeza-beza, yang teratas ialah mereka yang boleh sampai ke darjat mereka yang berada di tingkatan kelima.

Berdasarkan tingkatan-tingkatan mujtahid yang disenaraikan, kedudukan Imam al-Nawawi adalah pada tingkatan keempat ataupun yang terendah daripada jenis-jenis mujtahid. Namun, sumbangan beliau dalam menyaring pandangan-pandangan ulama silam dan melakukan pentarjihan bagi memastikan pandangan-pandangan yang dipilih itu bertepatan dengan nas-nas syarak dan usul mazhab (pandangan muktamad) amatlah penting demi memudahkan generasi seterusnya memahami dan mengamalkan hukum-hakam yang diperlukan. Tidak hairanlah Imam al-Nawawi digelar sebagai *syekh al-Islam, muhyi al-din, muharrir al-mazhab* dan *'umdat al-mazhab*.

KEDUDUKAN PANDANGAN IMAM NAWAWI DALAM MAZHAB SYAFIE

Mazhab Syafie telah melalui beberapa fasa perkembangan. Di antara fasa-fasa tersebut ialah fasa *tanqih al-mazhab* (membersihkan mazhab daripada pendapat-pendapat yang lemah dan *syaz* dan menjelaskan pandangan muktamad di sisi fuqaha mazhab dalam berfatwa). Ini bertujuan mewujudkan keseragaman dalam institusi kehakiman dan fatwa. Fasa ini adalah sekitar tahun 505H – 676H. Al-Qawasimi (2008) menyebutkan di dalam kitab beliau *al-Madkhal Ila Mazhab al-Imam al-Syafie* bahawa *tanqih al-mazhab* ini perlu atas dua alasan berikut:

1. Semenjak dari kewafatan pengasas mazhab (Imam Syafie) pada 204H sehingga 604H, penyebaran mazhab Syafie berlaku secara meluas. Sepanjang tempoh ini juga banyak penulisan-penulisan telah dihasilkan oleh para ulama mazhab. Namun, terdapat di dalam karya-karya ini pandangan-pandangan yang tidak secocok dengan usul mazhab, hukum-hakam yang *marjuh*, dan *syaz*. Oleh yang demikian suatu pendekatan mensucikan mazhab daripada elemen-elemen negatif ini perlu dilakukan.
2. Berlakunya taksib mazhab dan taklid semata-mata. Ianya ditambah lagi dengan kurangnya ijtihad daripada para ulama. Ini menjadikan para ulama pada ketika itu lebih menfokuskan kepada usaha melakukan *tanqih* mazhab. Mereka berkhidmat kepada teks-teks ulama mereka seperti mana para ulama mujtahid berinteraksi dengan nas-nas syarak.

Berdasarkan keterangan ini, *tanqih al-mazhab* merupakan suatu usaha yang amat penting. Ini kerana, pada peringkat ini pandangan-pandangan para ulama akan disaring dan dipilih. Bukan sekadar suatu bentuk nukilan ataupun pemilihan pendapat, tetapi ia

merupakan peringkat penentuan *al-qaul al-mu'tamad* mazhab. Pandangan yang betul-betul bertepatan dengan nas syarak dan usul mazhab sahaja diangkat sebagai pandangan muktamad mazhab. Usaha seumpama ini sudah pasti sangat penting dan bermanfaat kepada generasi mutakhir untuk tujuan amalan keagamaan yang bersifat peribadi dan fatwa.

Dalam mazhab Syafie, sumbangan besar ini telah dimainkan oleh dua tokoh besar, iaitu Imam al-Rafi'e dan Imam al-Nawawi. Merekalah yang menghimpunkan nas-nas mazhab serta mentahkiknya hingga ianya dianggap sebagai neraca penentu pandangan-pandangan mazhab (Nu'man Jaghim, 2007). Imam Ibn Hajar al-Haitami (2011) menyatakan:

“Kitab-kitab sebelum syaikhkan (Imam al-Rafi'e dan Imam al-Nawawi) tidaklah dipegang. Kecuali setelah semakan dilakukan, dan sangkaan kuat menyatakan bahawa ianya adalah pandangan mazhab”

Walaupun kedua-duanya memainkan peranan yang sama, tetapi ada kalanya mereka mempunyai perbezaan pandangan dalam sesuatu isu. Perbezaan pendapat yang dicatatkan berlaku antara keduanya adalah sekitar 50 permasalahan (Muhammad Ismail, 2014). Sekiranya terdapat perbezaan pendapat di antara Imam al-Rafi'e dan Imam al-Nawawi dalam sesuatu isu, pandangan Imam al-Nawawi yang akan diutamakan. Ibn Hajar al-Haitami menyebutkan (al-Kurdiyy, 2015):

“Para ulama *muhaqqiqin* sepakat menyatakan bahawa yang difatwakan itu adalah apa yang disepakati al-Rafi'e dan al-Nawawi. Sekiranya terdapat perselisihan di antara keduanya maka yang diambil adalah pandangan al-Nawawi.”

Panduan ini turut disebutkan oleh anak murid beliau Imam Zainuddin Abdul Aziz bin Zainuddin al-Malibari (w. 987H) di dalam kitab beliau *Fath al-Mu'in*:

“Ketahuilah! Pandangan muktamad dalam mazhab bagi tujuan hukum dan fatwa adalah apa yang disepakati oleh *sheikhan* (Imam al-Rafi'e dan Imam al-Nawawi). Kemudian apa yang ditetapkan oleh al-Nawawi, dan setelah itu adalah apa yang diputuskan oleh al-Rafi'e.

KAEDAH PENENTUAN PANDANGAN MUKTAMAD IMAM AL-NAWAWI

Ada kalanya Imam al-Nawawi mempunyai pandangan hukum yang berbeza dalam kes yang sama. Oleh yang demikian, para ulama telah meletakkan satu garis panduan berinteraksi dengan pandangan-pandangan Imam al-Nawawi yang saling bertentangan. Metodologi ini bertujuan mengenal pasti pandangan sebenar yang menjadi pegangan

Imam al-Nawawi. Kaedah ini dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami (2011) di dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj*:

“Sesungguhnya kitab ini (Minhaj al-Talibin) didahulukan ke atas sekalian kitab beliau. Namun, ianya bukanlah secara mutlak. Kebiasaannya, mendahulukan apa (kitab) yang dilakukan penelitian terhadapnya seperti al-Tahqiq, kemudian al-Majmu’, kemudian al-Tanqih. Kemudian kitab yang diringkaskan seperti al-Raudhah, kemudian al-Minhāj dan seumpama fatwa-fatwanya. Kemudian Syarh Muslim, kemudian Tashih al-Tanbih dan Nukat al-Tanbih daripada seawal-awal penulisan beliau. Maka, yang terawal itulah yang diakhirkan (akhir dalam rujukan dan fatwa).

Namun, susunan yang diketengahkan oleh Imam Ibn Hajar ini dilihat berbeza dengan apa yang disebutkan oleh Imam al-Dimyati (w. 1300H) dalam *Hasyiah I’ناه al-Talibin*. Beliau menyebutkan:

“Apabila berlaku perselisihan (pandangan) di antara kitab-kitab Imam al-Nawawi..... Maka, yang dipegang adalah yang terkemudian (pada penulisan). Ini kerana (penulisan yang akhir-akhir) berlakunya kajian dan penelitian yang lebih ke atas pandangan-pandangan ashab al-Syafie. Susunan tersebut (didahulukan) seperti al-Majmu’, kemudian al-Tahqiq, kemudian al-Tanqih, kemudian al-Raudhah, kemudian al-Minhāj.”

Melalui dua kenyataan ini, kita dapati bahawa Imam Ibn Hajar akan mendahulukan kitab *al-Tahqiq* berbanding *al-Majmu’*. Sedangkan Imam al-Dimyati mendahulukan *al-Majmu’* berbanding *al-Tahqiq*. Walau bagaimanapun, penulis cenderung menyatakan susunan yang lebih tepat itu adalah menurut susunan Imam Ibn Hajar. Pilihan ini berasaskan dua alasan berikut:

1. Susunan yang dilakukan oleh Imam al-Dimyati di dalam *hasyiah* beliau mungkin berlaku kesalahan kegelinciran pena (*sabq al-qalam*). Ini kerana pada mukadimah kitab, beliau menyatakan bahawa *hasyiah* ini dibuat berpandukan kepada kitab *al-Tuhfah*, *Fath al-Jawad Syarh al-Irsyad*, *Syarh al-Raudh* dan lain-lain lagi. Di sini, jelas susunan yang beliau datangkan adalah berbeza dengan *al-Tuhfah*. Tambahan pula, susunan yang beliau datangkan semuanya adalah menepati turutan susunan di dalam *al-Tuhfah* kecuali satu sahaja iaitu mendahulukan *al-Majmu’* berbanding *al-Tahqiq*.
2. Majoriti ulama mendahulukan *al-Tahqiq* berbanding *al-Majmu’* dalam susunan kitab fatwa. Justeru, para fuqaha syafi’iyah terkemudian telah menyimpulkan dan menetapkan susunan tertib karangan-karangan Imam al-Nawawi sekiranya berlaku perbezaan pendapat ialah *al-Tahqiq*, *al-Majmu’*, *al-Tanqih*, *al-Raudhah*, *al-Minhaj*, fatwa-fatwa beliau, *Syarh Muslim*, *Tashih al-Tanbih* dan *Nukat al-Tanbih* (al-

Kurdiyy, 2015; Muhammad Yasin al-Fadani, 2019; Abdul Qadir al-Mandili, 2004; Balfaah, 2017 & al-Hafnawi, 2017).

PANDANGAN-PANDANGAN IMAM NAWAWI BERKENAAN KHINZIR

Di sini penulis membawakan nas-nas dari kitab Imam al-Nawawi yang menyebut tentang hukum berkaitan kenajisan khinzir. Tertib susunan kitab adalah berdasarkan tertib susunan kitab-kitab Imam al-Nawawi yang disebutkan di atas.

1. Kitab *al-Tahqiq*:

Kitab ini seolah-olah ringkasan bagi *al-Majmu'*, disebutkan di dalamnya masalah-masalah yang banyak semata-mata, kaedah-kaedah dan *dhawabit-dhawabit* yang tidak disebutkan di dalam kitab *al-Raudhah*. Imam al-Nawawi membahaskan masalah fiqh di dalam kitab ini sehingga bab solat musafir (Al-Daqr, 1994). Disebutkan di dalamnya:

وَالْحَيَوَانُ طَاهِرٌ إِلَّا كَلْبًا وَخِنْزِيرًا وَفَرَسًا أَحَدَهُمَا... وَمَا نَجَسَ بِمُلَاقَاةِ شَيْءٍ مِنْ كَلْبٍ أَوْ خِنْزِيرٍ أَوْ
فَرَسٍ لَمْ يَطْهَرِ إِلَّا بِغَسَلِهِ سَبْعًا أَحَدَاهَا بِتُرَابٍ.

Maksudnya: Sekalian haiwan itu suci kecuali anjing, khinzir dan furuk salah satu daripada keduanya... Sesuatu yang najis dengan sebab bersentuhan akan sesuatu daripada anjing, khinzir dan furuknya tidak jadi suci kecuali dengan membasuhnya sebanyak tujuh kali, salah satu daripadanya adalah dengan tanah.

2. Kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*:

Kitab ini merupakan syarah bagi kitab *al-Muhazzab* oleh Imam Abu Ishak al-Syirazi (w. 476H), disusun dengan menyebut dalil bagi setiap masalah, dihuraikan dengan pendetilan pada perbahasan mazhab. Penulisan kitab ini bermula pada tahun 662H dan terakhir dicatatkan selesai menyempurnakan bab ibadat pada hari Isnin, 14 Rabiulawal, tahun 674H. Setelah itu Imam al-Nawawi mulai mengarang bab *al-Bai'* sehingga bab *al-Riba* dan beliau wafat sesudah itu tanpa dinyatakan tarikh akhir karangan tersebut (Al-Daqr, 1994). Disebutkan di dalamnya:

(الشَّرْحُ) نَقَلَ ابْنُ الْمُنْدَرِ فِي كِتَابِ الْإِجْمَاعِ إِجْمَاعَ الْعُلَمَاءِ عَلَى نَجَاسَةِ الْخِنْزِيرِ وَهُوَ أَوْلَى مَا يُحْتَجُّ
بِهِ لَوْ ثَبَتَ الْإِجْمَاعُ، وَلَكِنَّ مَذْهَبَ مَالِكٍ طَهَارَةُ الْخِنْزِيرِ مَا دَامَ حَيًّا وَأَمَّا مَا احْتَجَّ بِهِ الْمُصَنِّفُ

فَكَذًا احْتَجَّ بِهِ غَيْرُهُ وَلَا دَلَالَهَ فِيهِ وَلَيْسَ لَنَا دَلِيلٌ وَاضِحٌ عَلَى نَجَاسَةِ الْخِنْزِيرِ فِي حَيَاتِهِ وَأَعْلَمُ أَنَّ الرَّاجِحَ مِنْ حَيْثُ الدَّلِيلِ أَنَّهُ يَكْفِي غَسْلَةَ وَاحِدَةٍ بِلَا تَرَابٍ، وَبِهِ قَالَ أَكْثَرُ الْعُلَمَاءِ الَّذِينَ قَالُوا بِنَجَاسَةِ الْخِنْزِيرِ، وَهَذَا هُوَ الْمُخْتَارُ ..

Terjemahan: (Al-Syarh) telah menaql Ibn Munzir di dalam kitab *al-Ijma'* akan ijmak ulama atas kenajisan khinzir. Sekiranya ijmak ini, ia (pandangan ini) adalah terlebih utama yang dihujjah dengannya. Tetapi, (di sisi) mazhab Malik itu sucinya khinzir selama ia masih hidup. Adapun apa yang dihujjah dengannya oleh *al-musannif* (Imam al-Syirazi) dan ulama lainnya tiada dalalah padanya dan tiada bagi kita dalil yang jelas atas kenajisan khinzir pada hidupnya Ketahuilah bahawa sesungguhnya yang rajih pada dalil bahawa sesungguhnya memadai sekali basuhan tanpa disertai tanah. Dengannya (pandangan ini) telah berkata oleh kebanyakan ulama yang berpandangan dengan kenajisan khinzir. Inilah pandangan *al-mukhtar*.

3. Kitab *al-Tanqih*:

Iaitu syarah kepada kitab *al-Wasit* karangan Imam al-Ghazali. Penulisan ini hanya sampai kepada bab syarat solat (Al-Daqr, 1994). Disebutkan di dalamnya:

(وَأَمَّا الْحَيَوَانُ مَا دَامَتْ حَيَّةً فَأَصْلُهَا عَلَى الطَّهَارَةِ إِلَّا الْكَلْبَ وَالْخِنْزِيرَ وَفِرْعَ أَحَدِهِمَا) هُوَ كَمَا قَالَ وَلَا فَرْقَ بَيْنَ الْحَيَوَانِ الْمُؤْذِي وَالْمُسْتَقْدَرِ وَغَيْرِهِ كَالْفَأْرَةِ وَسَامِ أِبْرَصِ وَالْقَرْدِ وَالْجَعْلَانِ وَغَيْرِهَا مِنَ الْمُسْتَقْدَرَاتِ وَالذُّبِّ وَالنَّمْرِ وَالِدَبِّ وَغَيْرِهَا.

Terjemahan: Adapun haiwan-haiwan itu selama ia masih hidup, maka ia dihukumkan suci kecuali anjing, babi, dan anak daripada salah satu dari keduanya - Matan *al-Wasit* -. Iaitu seperti apa yang telah dikatakan. Tiada perbezaan di antara binatang yang menyakitkan, yang jijik dan yang lainnya, seperti tikus, cicak, monyet dan yang lainnya daripada binatang-binatang yang jijik, serigala, harimau, beruang dan selainnya.

4. Kitab *Raudhah al-Talibin*:

Al-Raudhah merupakan sebuah kitab yang diringkaskan daripada kitab *al-Syarh al-Kabir* karangan Imam al-Rafi'e. Beliau selesai mengarangnya di Madrasah al-Mahmudiyah pada hari Ahad, 15 Rabiulawal, tahun 669H (Al-Daqr, 1994). Disebutkan di dalamnya:

وأما الحيوانات، فظاهرة، إلا الكلب، والخنزير، وما تولد من أحدهما.

Terjemahan: Adapun segala binatang itu, maka, suci ia kecuali anjing, khinzir dan yang lahir dari salah satu daripada keduanya.

5. Kitab *Minhaj al-Talibin*:

Kitab ini merupakan ringkasan daripada kitab *al-Muharrar* karya Imam al-Rafi'e . Ianya selesai dikarang pada hari Khamis, 19 Ramadan, tahun 669H (Al-Daqr, 1994). Dalam kitab ini menyebutkan seperti berikut:

بَابُ النَّجَاسَةِ هِيَ كُلُّ مُسْكِرٍ مَائِعٍ وَكَلْبٍ وَخِنْزِيرٍ

Terjemahan: Bab Najis. Iaitu (najis) tiap-tiap cairan yang memabukkan, anjing dan babi.

6. Kitab *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*:

Sebuah kitab yang mensyarahkan kitab hadis Sahih Muslim. Ianya dikarang pada tahun 674H, dan merupakan antara karya-karya terakhir beliau (Syarh Muslim, 2011).

وَأَمَّا الْخِنْزِيرُ فَحُكْمُهُ حُكْمُ الْكَلْبِ فِي هَذَا كُلِّهِ هَذَا مَذْهَبُنَا.

Terjemahan: Adapun khinzir itu, maka, hukumnya adalah hukum anjing pada ini (perbincangan) kesemuanya. Inilah mazhab kita.

7. Kitab *Tashih al-Tanbih*:

Merupakan antara karya awal Imam al-Nawawi. Kitab ini merupakan *mulahazat* yang dilakukan ke atas kitab *al-Tanbih* karangan Imam al-Syirazi (Al-Daqr, 1994). Ia selesai dikarang pada pagi Jumaat, 27 Rejab, tahun 671 H.

النَّجَاسَةُ الْغَائِطُ الْقِيءُ الْخَمْرُ النَّبِيذُ الْخِنْزِيرُ.

Terjemahan: Najis itu ialah tahi, muntah, arak, nabiz, khinzir.

PERBINCANGAN

Seperti yang telah maklum bahawa Imam al-Nawawi merupakan *'umdah* (sandaran) mazhab Syafie, namun beliau telah mengarang kitab-kitab beliau dalam tempoh masa

yang berbeza-beza. Kesannya, boleh jadi berlaku ikhtilaf dan percanggahan pada menyatakan pendapat yang *rajih* di sisi ulama syafi'iyah (Abdul Qadir al-Mandili, 2004). Oleh itu, dalam pengeluaran fatwa, jika berlaku perbezaan nas atau pendapat Imam al-Nawawi yang terdapat dalam karangan-karangan beliau, para ulama memberi penekanan supaya kita melihat kepada kedudukan dan susunan tertib kitab-kitab tersebut untuk penentuan hukum. Menurut Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (2004) mana-mana pendapat yang disepakati oleh kebanyakan karangan Imam al-Nawawi kebiasaannya perlu didahulukan di atas yang telah disepakati oleh karangan-karangan beliau yang sedikit.

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan Imam Nawawi yang dinyatakan ini serta metodologi berinteraksi dengan kitab-kitab beliau seperti yang digariskan oleh para ulama, penulis mendapati bahawa pandangan muktamad Imam al-Nawawi dalam isu ini adalah khinzir tidak termasuk dalam kategori najis mughallazah. Hukum dan cara menyucikan adalah memadai dengan sekali basuhan. Pandangan ini adalah seperti apa yang tercatat di dalam *al-Majmu'*, selari dengan penggunaan istilah *al-mukhtar* yang beliau gunakan. Penggunaan istilah tersebut adalah merujuk kepada pandangan pilihan ataupun muktamad di sisi beliau.

Adapun ibarat-ibarat daripada kitab-kitab selain *al-Majmu'* seperti kitab *al-Tahqiq, al-Tanqih, al-Raudhah, al-Minhaj* dan *Tashih al-Tanbih* yang menunjukkan kepada kenajisan khinzir dan tatacara basuhannya adalah seperti basuhan najis anjing merupakan nukilan Imam al-Nawawi tentang pandangan mazhab Syafei. Bukanlah merujuk kepada pandangan peribadi beliau. Sedangkan yang tercatat di dalam kitab *al-Majmu'* itu adalah merupakan tarjihan dan pandangan peribadi beliau sendiri. Di situ, beliau menyatakan bahawa khinzir seumpama binatang lain. Secara zahirnya, kenyataan ini menunjukkan bahawa khinzir tidak najis. Akan tetapi, di dalam *al-Majmu'* juga beliau menyatakan bahawa jilatan khinzir perlu disucikan. Kesimpulannya, boleh kita dikatakan bahawa khinzir adalah najis di sisi Imam al-Nawawi. Ini kerana ia perlu disucikan dan tiada sebab perlu kepada cucian melainkan kerana najis atau hadas (Ibn Hajar, 2011) Sudah tentu dalam isu ini, khinzir tersebut adalah najis.

Perkara penting yang perlu difahami ialah maksud perkataan *al-mukhtar* yang disebutkan oleh Imam al-Nawawi di dalam karya-karyanya. Secara umum *al-ikhtiyar/al-mukhtar* ialah apa yang dipilih oleh Imam al-Nawawi dari sudut dalil atau memberi faedah bahawa perkara yang disebut itu adalah berbeza dengan *al-manqul* daripada mazhab (Balfaqih, 2017; al-Kurdiyy, 2015). *Al-manqul* ialah *nas* yang dinukil daripada ulama mazhab dan tidak ada kritikan yang dinukil serta tidak ada kritikan daripada ulama-ulama setelahnya, maka ia dijadikan seperti *nas* dan dijadikan qaul muktamad

dalam mazhab Syafie. Al-Khatib (2016) menyimpulkan makna *al-ikhtiyar/al-mukhtar* kepada empat makna berikut:

1. Satu jenis daripada ijtihad, kerana mujtahid itu berbeza pendapat dengan imam mazhab disebabkan adanya dalil yang lebih rajih mengikut pandangan beliau,
2. Disebutkan pada masalah yang tidak selari dengan mazhab,
3. Ada kemungkinan ia selari dengan satu pendapat lain di dalam mazhab tetapi tidak masyhur,
4. Disandarkan kepada dalil.

Berdasarkan hal ini, menurut Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (2004) para ulama telah menetapkan supaya dibezakan di antara pendapat yang dinukilkan oleh Imam al-Nawawi daripada pentarjihan-pentarjihan (*al-tarjihah*) dengan pendapat yang beliau pilih (*al-ikhtiyar*) berdasarkan pandangan beliau sendiri. Dengan ini, *ikhtiyar-ikhtiyar* Imam al-Nawawi dianggap pendapat yang lemah (*dhaif*) dari sudut mazhab, kuat dari sudut dalil, melainkan *ikhtiyar-ikhtiyar* beliau dalam kitab *al-Raudhah*. Di dalam kitab *Raudhah al-Talibin al-ikhtiyar* membawa maksud *al-sahih*, *al-rajih* atau *al-mu'tamad* di dalam mazhab, melainkan pada masalah tidak makruh menggunakan air musyammas yang dianggap *dhaif* dalam mazhab Syafie.

Apabila merujuk kepada kenyataan Imam al-Nawawi di dalam *al-Majmu'*, penulis mendapati pandangan beliau berkenaan kenajisan khinzir adalah tidak jelas. Tetapi, yang jelasnya basuhannya cukup dengan sekali. Di sana juga beliau lebih memfokuskan kepada perbincangan sumber atau dalil kenajisan khinzir itu menurut mazhab Syafie. Sememangnya, itulah medannya kerana kitab *al-Majmu'* merupakan sebuah kitab *fiqh muqaran* (*fiqh perbandingan*). Di sana, beliau menyangkal dakwaan ijmak. Sangkalan itu sememangnya benar dengan melihat adanya khilaf di antara mazhab berhubung isu ini. Sekiranya ia adalah sebuah ijmak, sudah pasti dalam mazhab Imam Malik juga menyatakan hukum yang sama, namun apa yang kita dapati adalah sebaliknya.

Selain itu, Imam al-Nawawi menyatakan bahawa tiada *dalil wadhiih* (jelas) menunjukkan kenajisan khinzir. Pandangan ini juga benar. Ini kerana, maksud dalil yang difahami ialah dalil khusus dari al-Quran dan sunnah, serta maksud *wadhiih* di sini adalah tidak menerima takwil atau boleh dikatakan tiada *nusus* yang *dalalahnya* mencapai tahap *nas* untuk menunjukkan kenajisan khinzir hingga tidak boleh ditakwil. Namun yang penting juga untuk dijelaskan bahawa pandangan Imam al-Nawawi yang mengatakan bahawa khinzir bukan dalam kategori najis mughallazah, bukanlah pegangan muktamad mazhab Syafie.

KESIMPULAN

Imam al-Nawawi merupakan tunjang dan tulang belakang mazhab Syafie. Daripada karangan-karangan beliau yang merangkumi pelbagai bidang keilmuan Islam khususnya fiqh telah menjadi rujukan utama di dunia Islam sehingga ke hari ini. Dalam usaha memahami penulisan-penulisan beliau, para ulama telah membuat banyak syarah dan *hasyiah* serta *taqrirat* bagi memahami maksud sebenar (*al-murad*) yang hendak disampaikan. Apabila berlaku pertentangan atau percanggahan di antara pendapat-pendapat beliau, di sana terdapat kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama sebagai panduan kepada para ahli fatwa dan ulama mutakhir agar tidak tersalah tafsir lalu tersalah dalam berhukum dan berfatwa.

Jelas daripada perbincangan di atas bahawa ijtihad Imam al-Nawawi dalam isu kenajisan khinzir adalah berbeza dengan pendapat muktamad mazhab Syafie. Oleh itu, dalam berinteraksi dengan pandangan serta ijtihad fuqaha mazhab Syafie terutama yang terdapat dalam teks-teks turath mazhab, seseorang individu itu perlu memahami secara mendalam metodologi pengeluaran fatwa mazhab, *mustalahat* atau terma-terma khusus yang digunakan, tertib susunan tingkatan mujtahid dan kitab-kitab mazhab dan sebagainya.

RUJUKAN

- Abdul Qadir bin Abdul Muttalib al-Mandili. 2004. *Al-Khazain al-Saniyyah Min Masyahir al-Kutub al-Fiqhiyyah li Aimmatina al-Syafi'iyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Al-Daqr, 'Abd al-Ghaniyy. 1994. *Al-Imam al-Nawawiy Syeikh al-Islam wa al-Muslimin wa 'Umdat al-Fuqaha wa al-Muhaddithin*. Damsyik: Dar al-Kalam.
- Al-Dimyati, Sayyid Abu Bakr Syata. 2017. *I'alah al-Talibin 'Ala Hal Alfaz Fath al-Mu'in* (Cet. 2). Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Hafnawi, Muhammad Ibrahim. 2017. *Al-Fath al-Mubin fi Ta'rif Mustalahat al-Fuqaha' wa al-Usuliyin* (Cet. 6). al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Khatib, Salim bin Ahmad. 2016. *Ikhtiyarat al-Imam al-Nawawi*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin.
- Al-Kurdiyy, Muhammad bin Sulaiman. 2015. *al-Fawaid al-Madaniyyah* (Cet. 3). Giza: Dar al-Faruq.

- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. 1995. *Al-Majmu'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. 1997. *Al-Tanqih fi Syarh al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. 1997. *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawiyiy*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. 2002. *Kitab al-Tahqiq*. Tahkik: 'Adil 'Abd al-Maujud & 'Ali Ma 'awwadh. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. 2002. *Raudhah al-Talibin*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. 2006. *Tashih al-Tanbih*. Kaherah: Syarikat al-Quds.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. 2017. *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Qawasimi, Akram Yusuf. 2008. *Al-Madkhal ila Mazhab al-Imam al-Syafi'e*. 'Amman: Dar al-Nafais.
- Balfaqih bin Hamid bin Sumait. 2017. *Matlab al-Iqaz fi al-Kalam 'ala Syai' min Gharar al-Alfaz*. Kuwait: Dar al-Dhiya'.
- Ibn Hajr, Syihab al-Din Ahmad bin Muhammad al-Haitami. 2011. *Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Ismail bin Abdullah. 2014. Perselisihan antara Imam Rafi'e dan Imam Nawawi: Suatu sorotan terhadap metode pentarjihan Imam Nawawi. Kertas kerja 1st International Research Management and Innovation Conference. Anjuran Research Development Centre and Islamic Academy, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Radius International Hotel, Kuala Lumpur, 17-18 November.
- Muhammad Nawawi bin Umar al-Bantani. 2011. *Kasyifat al-Saja Syarh Safinat al-Naja*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani. 2019. *Al-Fawaid al-Janiyyah* (Cet. 5). Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.